

**FAKULTI SENI BINA, PERANCANG DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH**

***PENGURUSAN HARTANAH OLEH PIHAK INSTTTUSI
KAJIAN KES :ANTARA PENGURUSAN HARTANAH BAITUMAL
DENGAN UDA HOLDINGS SDN BHD***

Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Sarjana Muda Pengurusan hartanah (Kepujian)

DISEDIAKAN OLEH : MAZLIFAH BT MD.YUSOF

KP UiTM : 97011425

MEI 2000

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Desertasi ini dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya walaupun berbagai rintangan terpaksa saya tempuhi dari awal hingga ke akhirnya. Alhamdulillah, dengan berkat kesabaran dan kegigihan yang kuat, segala masalah dapat di atasi dengan lancar.

Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih ke atas semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan Desertasi ini terutamanya kepada Penyelia desertasi ini, Tn.Haji Baharudin Mohd Hanipah yang sentiasa membantu memberi semangat untuk berjaya serta dapat memberi pandangan yang bermakna dalam penyediaan Desertasi ini.

Tidak lupa juga untuk semua pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengurusan Hartanah.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan ini kepada Pihak Baitumal Wilayah Persekutuan dan UDA Holdings Berhad yang banyak memberi kerjasama dan bantuan khususnya kepada Encik Abdul Wahab B Othman Penolong Pegawai Penilaian , Ustazah Kasumawati Bt Kasim Penolong Pengarah Baitumal Wilayah Persekutuan.

PENDAHULUAN

Pengurusan hartanah merupakan salah satu aspek pengurusan yang penting dalam menjayakan perkembangan ekonomi negara. Ini dapat dilihat bagaimana negara kita baru sahaja terlepas daripada dibelenggu era kemelesetan ekonomi yang mana telah memberi kesan yang teruk terutamanya dalam sektor hartanah.

Sebagai jalan keluar untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan telah mengambil satu langkah dengan cara memulihkan sektor hartanah. Ternyata ianya berkesan, dimana dengan tindakan memulihkan sektor ini secara tidak langsung dapat membantu pemaju-pemaju perumahan bangun semula dan mencergaskan kembali sektor kewangan dalam negara kita.

Bagi setiap negara, samada bagi negara maju ataupun membangun, industri hartanah merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang bertindak sebagai penyokong kepada industri-industri lain seperti sektor pembuatan, pengangkutan, perdagangan, kewangan dan sebagainya.

RINGKASAN PROJEK

Pengenalan

Ramai yang tidak mengetahui bahawa pengurusan sektor hartanah tidak kesemuanya adalah bertujuan untuk memperolehi keuntungan semata-mata. Tetapi kalau kita lihat objektif kebanyakan organisasi atau syarikat pemaju hartanah adalah lebih mementingkan kepada keuntungan disamping daripada kebajikan.

Oleh itu demi menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat terutamanya masyarakat Islam atau bumiputra yang tidak mampu, kerajaan telah melantik atau badan-badan institusi agar dapat menjaga kebajikan sosial ekonomi masyarakat Islam dan bumiputra.

Penubuhan UDA adalah sebagai pemegang amanah kerajaan bagi membantu mempercepatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) terutamanya dari segi meningkatkan pemilikan harta bumiputra dan mewujudkan peluang-peluang perniagaan sebagai usaha meningkatkan ekonomi usahawan bumiputra terutamanya menguasai perniagaan di bandar.

JADUAL KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	I
MAKLUMAN	iii
PENDAHULUAN	iv
RINGKASAN PROJEK	vi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 : PENGURUSAN HARTANAH OLEH PIHAK INSTITUSI

1.0	Pengenalan	1
1.1	Definisi Pengurusan	4
1.2	Definisi Pengurusan Harta	7
1.3	Objektif Pengurusan Harta	7
1.4	Fungsi Dan Skop Pengurusan Harta	9
1.5	Organisasi Pengurusan	9
1.6	Konsep Pengurusan Harta	12
1.7	Pengurusan Hartanah Oleh Badan Institusi Am	15